

**MAJLIS PERASMIAN PENUTUP DAN PENYAMPAIAN
HADIAH
KEJOHANAN SEPAK TAKRAW PIALA NAIB CANSELOR
UniMAP.**

Teks Ucapan

BRIG. JENERAL DATO' PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN
Naib Canselor
Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)
pada 23 Januari 2011 (Ahad)
di Dewan Harum Manis, Politeknik Pauh, Perlis.

Bismillah Hirrahman Nirrahim
Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh, Salam
Sejahtera dan Salam 1 Malaysia.

Yang Berbahagia Mr. Kevin C.H. Lim, Managing Director
Gajam Emas Industries Sdn. Bhd.

Yang Berbahagia Tuan Syed Azmir Bin Syed Ahmad,
Setiausaha Persatuan Sepak Takraw Perlis yang merupakan
Pegawai Sukan Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin, wakil
kepada Pengarah Politeknik.

Yang Berusaha En. Afizal Abu Othman, Pengarah Pusat
Sukan UniMAP merangkap Pengurus Kejohanan Sepak

Takraw Piala Naib Canselor UniMAP.

Dekan-dekan, ketua-ketua Jabatan,

Wakil – wakil Media,

Seterusnya hadirin hadirat yang saya hormati sekalian.

Marilah kita bersama menadah tangan mengucap syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah dan keizinanNya, maka dapat kita berkumpul pada petang ini di Dewan Harum Manis, Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin ini bagi menyaksikan perlawanan akhir Kejohanan Sepak Takraw Piala Naib Canselor UniMAP dan Majlis Perasmian Penutup Kejohanan Sepak Takraw Piala Naib Canselor UniMAP.

Jutaan terima kasih saya titipkan buat Persatuan Sepak Takraw Negeri Perlis diatas kesudian bekerjasama dengan Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) bagi penganjuran Kejohanan Sepak Takraw Piala Naib Canselor UniMAP yang julung kali diadakan ini. Tidak ketinggalan sekalung penghargaan diberikan kepada pihak sekretariat yang bertungkus-lumus bagi memastikan kelancaran perjalanan sepanjang kejohanan ini berlangsung. Terima kasih dan semoga ketulusan hati anda akan mendapat ganjaran yang setimpal daripada Allah S.W.T. Amin.

Hadirin sekalian,

Dalam arena sukan sepak takraw, pasukan Malaysia adalah antara pasukan yang digeruni oleh pihak lawan. Namun tidak mengerti dimana silapnya, kita sering ditewaskan di saat-saat akhir kejohanan. Di saat kita berada selangkah untuk mencapai pingat emas, akhirnya tergenggam ditangan adalah pingat perak. Dimana silapnya??? Mungkinkah lawan kita terlalu kebal, latihan yang diterima tidak mencukupi, kekurangan pemain pelapis atau sikap segelintir pemain itu sendiri.

Jika diimbas kembali, sudah 16 tahun kita kegersangan menanti untuk menggenggam pingat emas pada Kejohanan Piala Asia, namun kita terus-menerus dikecewakan dalam penantian itu. Ini kerana, kita sekali lagi tewas ditangan musuh tradisi kita iaitu pasukan Thailand. Namun, kekalahan itu bukan yang mengejutkan saya kerana ada lagi satu kekalahan yang benar-benar buat saya tersentak iaitu kekalahan kepada Korea Selatan.

Saya berkesempatan membaca satu keputusan undian pembaca mengenai punca kekalahan pasukan Malaysia kepada Korea Selatan pada kejohanan King Cup 2010 yang berlangsung Oktober 2010 yang lalu. Seramai 100 orang membuat undian yang mengambil kira beberapa faktor yang mungkin menjadi penyebab kepada kekalahan pasukan sepak

takraw kita. Antara faktor tersebut adalah Permainan Malaysia mudah dibaca, Sistem Latihan ditahap lama, Silap Percaturan Regu, Saiz Pemain Korea lebih baik, Psikologi Pemain Lemah dan Mutu Permainan Korea lebih bagus.

Antara faktor yang disebutkan itu, 28% dari undian memilih Psikologi lemah sebagai punca kekalahan pemain. Diikuti 24% merujuk kepada sistem latihan yang masih ditakuk lama. Walau apapun tanggapan yang diberikan para penggemar sukan tersebut tetapi saya berpendapat Negara sebenarnya kekurangan pelapis muda bagi menggantikan para pemain Negara yang senior. Senarionya dewasa ini, kebanyakannya pemain kebangsaan yang kurang aktif telah dipanggil semula untuk mewakili Negara ke peringkat kebangsaan dan ternyata hasilnya setakat ini adalah kurang memberangsangkan.

Oleh itu, dikesempatan yang ada ini, saya ingin menyeru kepada tenaga muda Negara yang mempunyai bakat dalam sukan ini supaya berusaha lebih gigih dan letakkan diri anda pada kelompok pemain pelapis Negara yang berwibawa. Selama ini sukan sepak takraw adalah sukan yang dimonopoli oleh kita, jangan biarkan Negara lain muncul dan menggenepikan kita sewenang-wenangnya.

Hadirin sekalian,

Atas kesedaran itulah, kami di UniMAP dengan kerjasama Persatuan Sepak Takraw Negeri Perlis bergabung tenaga menganjurkan Kejohanan Sepak Takraw Piala Naib Canselor UniMAP buat julung kalinya pada tahun ini. Hal ini sebagai salah satu usaha dalam membantu melahirkan atlit antarabangsa yang berpotensi sebagaimana yang diinginkan kerajaan khususnya di Negeri Perlis dalam Sukan Sepak Takraw. UniMAP sebagai salah sebuah IPTA juga ingin membantu meningkatkan mutu sukan Sepak Takraw bukan sahaja di peringkat UniMAP dan Negara malah hingga ke peringkat antarabangsa.

Atas dasar itulah, kita membuka penyertaan kepada semua lapisan masyarakat untuk menyertai pertandingan ini dan seterusnya menimba pengalaman, cabaran dan kemenangan. Saya percaya melalui penganjuran sebegini pasti kita akan menemui intan yang perlu digilap sebaik-baiknya, kemudian barulah kilauannya akan menyerlah dan sinarnya itu akan menyinari negara kita ke persada dunia.

Hadirin sekallian,

Rasanya tidak perlu untuk saya bercakap panjang pada petang ini. Walaupun penganjuran ini merupakan penganjuran kali pertama, harapan yang terbuku dihati saya

ini tinggi menggunung untuk melihat kejohanan ini mendapat pengiktirafan sewajarnya. Saya menanam azam untuk menjadikan kejohanan ini sebagai acara tahunan dan peningkatan kualiti penganjuran kejohanan akan meningkat dari semasa ke semasa. Biarlah 2011 ini menjadi titik tanda bahawa ini merupakan penganjuran pertama kejohanan Sepak Takraw Piala Naib Canselor UniMAP. Semoga kejohanan ini bakal disebut dan dilaksanakan sama seperti Kejohanan Sepak Takraw Piala Emas Khir Johari yang kini telahpun bertapak di negara ini sejak 47 tahun yang lalu, dan insyaAllah ketika saat dan waktu itu hadir, UniMAP juga telahpun diiktiraf sebagai penganjur bertaraf antarabangsa. Amin.

Sepak takraw, sukan negara,
Sukan tradisi , zaman berzaman,
Bangun si pelapis, semangat membara,
Bangun berjuang, menjulang kemenangan.

Dengan lafaz Bismillahi Rahmannir Rahim, saya dengan rasa sukacitanya merasmikan Majlis Perasmian Penutup Kejohanan Sepak Takraw Piala Naib Canselor UniMAP.

Sekian. Terima kasih.